

## Pra-Paskah: Bertemu binatang buas dan malaikat



**TAKHTA SUCI:** Pada Hari Minggu Pra-Paskah pertama, Sri Paus Fransiskus memfokuskan renungan Angelusnya pada godaan Yesus di padang pasir. Prelatus itu menekankan kepentingan simbolik padang gurun, menggesa orang Kristian untuk “masuk ke padang gurun iaitu, memasuki dunia batin kita, mendengar hati dan berhubung dengan kebenaran.”

Di padang pasir, Kristus “bersama-sama dengan binatang buas, dan malaikat melayani

Dia. Binatang buas dan malaikat menyertai Dia.”

Tetapi, dalam erti kata simbolik, “sesungguhnya binatang buas dan malaikat juga adalah ‘teman’ kita: apabila kita memasuki ‘padang gurun dalaman’, kita dapat bertemu dengan binatang buas dan malaikat di sana.”

“Dalam kehidupan rohani, kita boleh menganggap mereka “binatang buas” ini sebagai nafsu yang tidak teratur yang memisahkan hati kita dan pada masa Pra-Paskah ini, mari kita cuba untuk mengalahkannya.”

Bapa Suci memberi peringatan bahawa “binatang buas” ini licik memujuk dan menggoda. Jika kita tidak berhati-hati, kita berisiko dirobek oleh mereka.”

“Binatang buas” ini adalah simbolik kepada “nafsu ke-

kayaan, yang memerangkap kita dalam ketidakpuasan, kesia-siaan, kesenangan mudah, mementingkan diri, keinginan untuk kemasyhuran dan berasa perlu diiktiraf serta dihormati.”

Sri Paus Fransiskus menegaskan “binatang-binatang buas” ini harus diperangi dan ditundukkan, jika tidak, ia akan merampas kebebasan kita.

“Kita perlu memasuki padang gurun untuk mengenal serta melihat kehadiran mereka dan melawannya,” ujar Bapa Suci.

Untuk menghadapi kejahatan yang menimpa setiap kita maka kita perlu “pergi ke padang gurun untuk menghadapinya — dan Pra-Paskah adalah masa tepat untuk melakukannya.”

Latar belakang padang pasir ini juga diserlahkan oleh

Sri Paus Fransiskus dalam siri katekesisnya sepanjang tahun dan merupakan tema utama pesan Pra-Paskah 2024 yang diambil dari Kitab Keluaran: “Melalui padang Gurun, Tuhan Memimpin Kita Menuju Kebebasan.”

Walaupun sangat penting untuk melakukan pemeriksaan diri ini, Sri Paus menekankan bahawa kita tidak bersendirian: Kita dibantu oleh para malaikat, yang “adalah utusan Tuhan, yang menolong kita, yang berbuat baik kepada kita.”

“Sesungguhnya ciri-ciri mereka, menurut Injil, adalah pelayanan, bertentangan dengan kepemilikan, tipikal dari nafsu yang kita bicarakan sebelumnya,” jelas Sri Paus.

Tidak seperti “binatang buas”

yang bersemangatkan pemilihan, malaikat lebih kepada kebajikan pelayanan. Malaikat melalui saranan Roh Kudus akan membantu kita untuk mengingati perkara-perkara baik yang dilakukan oleh Tuhan, memberikan kita inspirasi ilahi yang baik menyatukan kita dalam harmoni dan memuaskan dahaga rohani.”

“Oleh itu, agar ketertiban dan kedamaian kembali kepada jiwa, biarpun dalam keadaan tidak menyenangkan, kita harus tenang dan berdoa, memasuki padang gurun, mengenal taktik licik binatang-binatang buas dalam batin kita. Dengan ini, kita dapat membenarkan suara Tuhan memasuki jiwa kita dan Dia akan membantu kita memelihara semua kebaikan.” —

CNA



## Vatikan umum tema Hari Migran, Pelarian ke-110

VATIKAN: Dikasteri Vatikan untuk Mempromosi Pembangunan Manusia Bersepadu telah mengumumkan tema untuk Hari Migran dan Pelarian Sedunia ke-110.

Tema untuk perayaan tahun ini — yang akan disambut pada hari Minggu September 29, 2024 ialah “Tuhan berjalan bersama umat-Nya”.

Dalam siaran akhbar pada Februari 22, Dikasteri itu menyatakan bahawa Sri Paus Fransiskus akan menulis pesan sebelum perayaan tersebut.

Pesan Sangti Papa akan “membicarakan dimensi perjala-

nan Gereja”, dengan “tumpuan khusus pada saudara dan saudari migran kita”, yang mewakili “ikon kontemporari Gereja yang sedang mengembara.”

“Ia adalah satu jalan yang perlu dilalui dengan cara sinodal, mengatasi semua ancaman dan halangan, untuk mencapai tanah air sebenar kita bersama-sama.

“Semasa perjalanan ini, di mana sahaja orang-orang migran dan pelarian ini, adalah penting untuk mengenali kehadiran Tuhan yang berjalan bersama umat-Nya, meyakinkan mereka akan bimbingan dan perlindungan-Nya pada setiap langkah.

“Juga penting untuk kita mengenali kehadiran Tuhan, Emmanuel, dalam setiap pendatang yang mengetuk pintu hati kita.”

Hari Migran dan Pelarian Sedunia disambut setiap tahun pada Hari Minggu terakhir bulan September.

Pertama kali disambut pada tahun 1914, ia adalah satu kesempatan untuk menggalakkan umat Katolik di seluruh dunia mengingati dan berdoa bagi mereka yang terpaksa berpindah atau melarikan diri akibat konflik, penganiayaan, dan kesukaran ekonomi. — *media Vatikan*

# Ketika kemekaran meninggalkan kehidupan ...

Apakah titik terpenting atau terdalam dalam hati kita?

Biasanya kita menganggap bahagian terdalam hati kita, bahagian terdalam jiwa kita, pusat afektif kita, pusat moral kita, tempat di dalam diri kita yang di panggil oleh Thomas Merton sebagai *the virgin point* (tempat suci). Tetapi selain Thomas Merton, ada lagi penerangan daripada penulis lain.

Ahli mistik klasik, Yohanes dari Salib mempunyai pandangan berbeza daripada Merton.

Baginya, pusat yang paling dalam, titik kemuncak dari segala-galanya adalah titik paling jauh yang boleh dicapai oleh makhluk, kuasa dan daya operasi serta pergerakan objek itu.

Apakah maksud ahli mistik itu? Pada dasarnya, inilah yang dikatakan: *Pusat yang paling dalam sama ada pada bunga, makhluk atau manusia terletak pada titik di mana apabila kita layu atau mati, ia memberikan kehidupan kepada orang lain.*

Sebagai contoh, bunga: Bunga bermula daripada benih, kemudian tumbuh menjadi tunas kecil yang bercambah menjadi tumbuhan muda. Tumbuhan itu akhirnya menjadi mekar yang indah.

Bunga itu bertahan untuk seketika kemudian mula kering dan layu.

Akhirnya, bunga yang indah itu, akhirnya kembali menjadi benih dan ketika layu dan kering, benih itu jatuh ke tanah, menumbuhkan tumbuhan dan daun baharu.

Oleh itu, bagi Yohanes dari

Salib, titik terpenting untuk bunga bukanlah saat mekar dan keindahannya yang menakjubkan, titik terdalam bunga itu bukan semasa ia berkembang segar sebaliknya semasa saat terakhir ketika kemekaran itu layu dan menghasilkan benih ketika ia mati.

Ini bertentangan dengan cara biasa kita menilai sesuatu. Bilakah kita berpotensi paling generatif? Bilakah kita mempunyai kapasiti terbesar untuk menggunakan hidup kita untuk mengeluarkan benih bagi kehidupan baru? Apakah pusat pertumbuhan terdalam kita?

Biasanya, sudah tentu, kita menganggap pusat yang paling dalam sebagai mekar, iaitu, tempoh atau saat dalam hidup kita apabila kesihatan kita baik, daya tarikan fizikal, bakat, pencapaian dan pengaruh menjadikan kita seseorang yang dikagumi dan mungkin dicemburui.

Ini adalah masa dalam hidup kita apabila kita kelihatan terbaik dan seperti yang mereka katakan, berada di puncak kehidupan kita. Ini adalah saat kita mekar! Yang terbaik yang kita akan lihat!

Yohanes dari Salib, mungkin tidak bersetuju bahawa titik penting kehidupan kita adalah semasa muda. Tetapi dia tetap akan meminta kita untuk menghargai saat itu, menikmati, bersyukur kepada Tuhan cuba menggunakan kelebihan dan keistimewaan yang datang bersamanya untuk membantu orang lain.

Tetapi, saya percaya, Yohanes dari Salib sama sekali tidak akan



mengatakan masa mekar itu adalah saat kemuncak generativiti kita.

Dia tidak akan bersetuju bahawa itu adalah saat atau tempoh kehidupan kita apabila kita memberikan benih yang paling banyak untuk kehidupan baru.

Seperti bunga yang mengeluarkan benih ketika ia mati, kita juga berpotensi paling generatif selepas kemekaran berubah menjadi kelabu dan pencapaian kita telah menghasilkan pelbagai jenis buah yang berbeza.

Bayangkan seorang wanita muda yang cantik dan berbakat serta menjadi pelakon filem terkenal.

Pada kemuncak kerjayanya, dia sedang mekar penuh, dikagumi dan disanjung. Memang dia dipuji. Lebih-lebih lagi, dalam kehidupannya di luar filem dia mungkin seorang yang pemurah, seorang isteri yang baik, seorang ibu yang berdedikasi dan seorang kawan yang boleh dipercayai.

Walau bagaimanapun, kemekarannya itu bukanlah titik pertumbuhannya yang paling dalam

*Sekadar gambar ilustrasi. Titik terdalam hidup kita bukannya semasa kita muda belia tetapi semasa akhir kehidupan.*

walaupun kelihatan dia yang terbaik serta menyentuh banyak kehidupan baharu.

Sebaliknya, apabila dia menginjak usia nenek tua, bergelut dengan masalah kesihatan, penampilan fizikalnya merosot, menghadapi prospek kehidupan yang memerlukan bantuan dan kematian – ketika inilah hidupnya berpotensi, seperti bunga yang mekarnya telah kering dan menghasilkan benih baharu.

Ketika inilah, ketika dia sedang menyerahkan nyawanya kepada Tuhan, dia telah membantu mencipta kehidupan baharu dengan cara yang tidak dapat dilakukannya semasa muda, semasa dia masih cantik dan menarik, dikagumi, dicemburui dan mekar.

Situasi sama juga mungkin serupa bagi bintang sukan.

Pada kemuncak kerjayanya, memenangi kejuaraan, menjadi terkenal, imej atlet muda yang dicemburui, dapat dilihat di mana-mana dalam iklan dan di papan iklan, dia sedang berkembang

pesat; tetapi pada masa itu, dia tidak menjana secara optimum dari segi kehidupannya.

Dia masih belum mengeluarkan benih untuk membawa kehidupan baru.

Tetapi, ini boleh berlaku kemudian, pada usia tuanya, apabila pencapaiannya tidak lagi semegah dahulu dan dia, seperti orang lain, dengan rambutnya beruban, menghadapi kemerosotan fizikal, terpinggir, dan kematian yang akan berlaku.

Cukup adil, bunga itu mempunyai kepentingan, tujuan yang sah dan nilainya sendiri.

Sesungguhnya, salah satu cabaran kita adalah mengkagumi bunga itu tanpa rasa iri hati. Tidak mudah untuk dilakukan dan sesuatu yang sering kita tidak lakukan dengan baik.

Cabaran yang lebih besar untuk kita ialah belajar apakah panggilan kita, setelah kehidupan yang kita mekar itu, semakin layu? — *Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser*

## Roh Kudus bersemayam dalam hati kita

Dalam pewartaan Injil hari ini apakah benar Yesus begitu marah sampai bertindak dengan kekerasan terhadap penjual wang dan penjual merpati di “Rumah Tuhan”?

Yesus memang marah. Marah kerana manusia lebih mementingkan hubungan antara manusia dan barangan keduniaan.

Bait Tuhan itu hanya dipakai untuk ibadat lahiriah saja, sedangkan perhatian mereka lebih sibuk dengan wang dan binatang korban (merpati).

Bait Tuhan yang seharusnya menjadi sarana berhubungan dengan Tuhan, justeru sebaliknya dimanfaatkan oleh orang-orang yang beragama rasmi Yahudi itu untuk kepentingannya sendiri dengan menggunakan keagamaan!

Bagi orang yang warak beragama, bukan rumah ibadat atau bait Tuhan itu sendiri yang menentukan kesungguhan hidup keagamaannya, melainkan kejujuran hati orang-orangnya yang menggunakannya.

Penjualan wang dan penjualan

merpati di dalam Bait Tuhan itu dilakukan dengan dalih keagamaan, ibadat, tetapi sebenarnya demi kepentingannya sendiri.

Inilah adalah sebuah penipuan rohani, yang mengubah hormat kepada Tuhan menjadi hormat kepada diri sendiri. Bait Tuhan yang dibangun dengan iktikad baik dan luhur, justeru menjadi alat untuk meluhurkan kepentingan diri sendiri!

Oleh itu Yesus bertindak tegas, bahkan berkata: “Rombaklah Bait Tuhan ini, dan dalam tiga hari Aku akan mendirikan kembali”.

Bait Tuhan baharu yang sesungguhnya adalah Diri Yesus sendiri! Bangunan bait Tuhan akan roboh atau runtuh.

Bait Tuhan besar yang dibangun oleh Herodes Agung tahun 70 dihancurkan oleh orang-orang Romawi. Bait Tuhan yang sesungguhnya ialah diri Yesus Kristus. Tubuh Yesus adalah Bait Suci sejati yang dibangun kembali pada saat kebangkitan-Nya.

Apa pesan Injil hari ini kepada

kita? Yesus sendiri menghargai dan menghormati Bait Tuhan, dan seperti umat lain, Dia juga beribadat di sana.

Dalam diri Yesus Kristuslah kita dapat sungguh beribadat, menghormati, berhubungan dengan Tuhan. Adanya rumah ibadat (Gereja), betapapun indah dan agungnya, bukan hanya bertujuan sebagai tempat keagamaan.

Hidup keagamaan, ibadat dan hidup rohani bukanlah sekadar formalisme, melainkan hubungan batin manusia yang erat dengan Tuhan.

Hubungan dengan Yesus Kristus harus sungguh murni, tanpa disertai perhitungan, pertimbangan, keinginan akan kepentingan diri sendiri. Hanya dengan demikian ibadat kita adalah benar, sejati, autentik, dan dengan demikian Yesus Kristus menjadi Bait Tuhan kita yang benar.

Paulus menegaskan umat di Korintus: “Tidak tahukah kamu, bahawa kamu adalah bait Tuhan dan bahwa Roh Tuhan diam di dalam kamu” (1 Kor 3:16). Jadi

### HARI MINGGU PRA-PASKAH III (TAHUN B)

KELUARAN 20:1-7

1 KORINTUS 22-25

INJIL YOHANES 2:13-25

seperti Kristus adalah Bait Tuhan sejati, kita umat yang telah dibaptis pun adalah bait-bait Tuhan.

Kristus menjadi Bait Tuhan sesudah bangkit. Menjadi bait Tuhan itulah sebenarnya makna hidup kita sebagai orang Kristian sejati.

Dan menjadi orang Kristian sejati berarti rela dan mau mengikuti pola hidup Kristus.

Hanya memperhatikan dan melaksanakan kehendak Tuhan Bapa-Nya sepenuhnya, meskipun harus melalui penderitaan dan kematian di salib — itulah ibadat hidup Yesus yang sebenarnya. Itulah hubungan Tuhan dan manusia yang sejati. Itulah makna Yesus sebagai Bait Tuhan yang sesungguhnya!

Dalam masa Pra-Paskah ini

marilah kita berusaha, untuk bukan hanya berdoa dan beribadat di dalam Gereja sebagai bait Tuhan, tetapi juga berusaha menjadi bait Tuhan dengan memurnikan hubungan kita dengan Tuhan dan sesama secara jujur dan murni.

Khususnya dengan merayakan Ekaristi bersama di dalam gereja, sebagai bait Tuhan, kita harus sungguh berhubungan erat dengan Tuhan melalui Yesus Kristus, dan melalui Dia pula kita sungguh harus berhubungan erat satu sama lain sebagai saudara seperti dengan dilakukan Yesus sendiri. Dengan demikian kita pun semua menjadi bait Tuhan yang hidup. — *Msgr F.X. Hadisumarta O. Carm, iman Katolik.*

# Religius langkau sempadan demi sebar Injil Tuhan

PETALING JAYA: Pelbagai kongregasi religius di Keuskupan Agung Kuala Lumpur berkumpul bersama untuk ceramah yang diketuai oleh Fr Alvin Ng, SJ, di Dewan Loyola, Gereja St Francis Xavier, Februari 2.

Fr Alvin menyatakan secara ringkas sintesis yang disaring semasa Perhimpunan Religius Malaysia 2023 dan menggariskan perjalanan sinodal oleh komuniti pastoral menuju Konvensyen Pastoral Malaysia 2026.

Beliau menjelaskan kepentingan menyegarkan semula karisma dan visi asal setiap kongregasi yang memberikan mereka semangat bagi melangkahi sempadan untuk menyebarkan pesan cinta Injil tanpa syarat.

Dalam mendekati golongan miskin dan terpinggir, para religius dipanggil untuk bekerja demi kebaikan bersama, menghormati maruah manusia dan mengubah keadaan yang menyebabkan penderitaan.

Berlatarkan belakang ini, Fr Alvin turut menekankan isu dan cabaran utama yang dihadapi dunia hari ini, termasuk kesan pandemik global, sekularisasi, sikap tidak peduli belia, penderitaan ekonomi, peperangan dan pergolakan awam dan ketidakpastian politik.

“Kehidupan semakin kompleks dalam dunia sentiasa berubah hari ini. Kita perlu



melihat ke mana Roh Kudus memimpin kita. Roh Tuhan tidak pernah putus asa. Kita dipanggil untuk bergerak mengikut situasi.

“Janganlah kita terjebak dengan masa lalu. Tuhan akan membimbing perjalanan kita ke hadapan. Daripada mengeluh tentang keadaan hari ini, marilah kita menerima cabaran yang diberikan dengan keyakinan kepada Tuhan dan terbuka,” kata Fr Alvin.

Fr Alvin selanjutnya mengemukakan soalan berikut: “Adakah kita, wanita dan lelaki religius, masih relevan dalam Gereja hari ini? Adakah kita hanya bertahan atau wujud? Bolehkah kita mula hidup sekali lagi dan berkongsi kegembiraan panggilan kita?”

Dia menyeru umat beragama untuk merenungkan tradisi, karisma, kesaksian rohani, dan pengalaman mereka untuk mencari dorongan untuk kekal relevan dalam Gereja.

“Mari kita mencari peluang bermakna atau memenuhi keperluan lain yang selama ini belum dipenuhi. Sebagai seorang religius, kita dipanggil untuk misi, iaitu untuk membawa Injil kepada semua dan untuk kekal setia kepada karisma dan visi pengasas kita. Adalah penting bagi untuk mula melakarkan semula sempadan baharu dan menerima dunia hari ini dengan teknologinya, cara pemikiran dan pengalaman baharu melalui pertemuan berterusan dengan orang lain, kata Fr Alvin.

Fr Alvin kemudiannya mengendalikan perbualan rohani yang memberi tumpuan kepada tiga teras utama:

Penyertaan – Bagaimana kita dapat mengambil peranan baharu dalam membina Gereja Malaysia hari ini?

Persekutuan – Bolehkah kita mengenal

pasti khazanah “lama” dan “baru” dalam karisma kita, kerja kita, komuniti kita?

Misi – Berdasarkan karisma-karisma kongregasi masing-masing, apakah tindakan konkrit dan kerjasama yang boleh dilaksanakan sebagai religius di Keuskupan Agung Kuala Lumpur?

Fr Alvin menggesa semua religius untuk terus berdoa, merendahkan hati dan mengungkapkan kesyukuran.

Pada masa yang sama, beliau telah menyeru individu beragama untuk menemui semula semangat kerasulan mereka di dunia, menyedari bahawa setiap panggilan bertunas dalam karisma unik yang dianugerahkan oleh Tuhan demi pelayanan misi-Nya.

“Marilah kita bersama-sama membina Kerajaan Tuhan melalui karisma berbeza yang kita ada,” tambahnya.



Friar Don Don membantu Friar Nelson mengenakan stola diakon.

## Pentahbisan diakon Rev Nelson Sipalan OFM

KOTA PADAWAN: Friar Nelson Evarinus Sipalan OFM telah ditahbis sebagai diakon oleh Uskup Agung Kuching pada Januari 14 lalu di Gereja St Ann.

Misa bermula pada jam 6.00 petang dengan tarian tradisional masyarakat Bidayah Kampung Seratau di pintu masuk Gereja.

Gereja dipenuhi dengan umat St Ann dan tetamu dari Sabah, Johor, Kuala Lumpur, dan Singapura. Menyaksikan Friar Nelson pada pentahbisannya adalah adik-beradiknya yang mewakili ibu bapa Friar Nelson yang tidak dapat datang ke Kuching.

Selebran utama perayaan Ekaristi ialah Uskup Agung Simon Poh, dibantu oleh Friar Don Don Ramerez OFM (paderi paroki St Ann) dan Friar Derrick Yap OFM (Custos).

Friar Nelson yang berasal dari Sabah, menyertai *Franciscan Friars of St Anthony Custody* untuk Malaysia, Singapura, dan Brunei. Beliau memulakan pelayanan pastoralnya di Gereja St Ann selama setahun pada 2017.

Custos Friar Derrick mengumumkan bahawa Diakon Nelson akan mengambil

Pendidikan Pastoral Klinikal (CPE) selama enam bulan di Pulau Pinang, sebagai perediaan pelayanan yang lebih baik untuk umat Tuhan pada masa hadapan. Selepas Friar Nelson menamatkan CPEnya, pentahbisan imamnya akan diumumkan kemudian.

Diakon Nelson terharu dan bersyukur dengan keseluruhan perayaan serta mengucapkan terima kasih kepada semua umat, dermawan, keluarga, dan rakan-rakan yang telah menyumbang atau menyokong beliau dalam perjalanan istimewanya sebagai seorang Friar Fransiskan.

## Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

**HERALD**  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:  
liza@herald.com.my

## Wajah asli Yesus

**Soalan:** Diperkirakan usia Yesus 33 tahun semasa wafat di salib, tetapi kebanyakan foto/lukisan/patung, kelihatan wajah Yesus sudah lebih tua. Tidakkah foto wajah asli Yesus?

**Jawaban:** Tentu kita tidak tahu persis seperti apa wajah Yesus yang sebenarnya. Ada pelbagai usaha untuk merekonstruksi wajah Yesus, namun semuanya tidak dapat dipastikan.

Semasa era Yesus, belum wujud kamera yang dapat menangkap wajah Yesus, ataupun pelukis yang mampu menggambarkan wajah-Nya.

Memang ada lukisan wajah yang dikatakan berasal dari kain yang dipakai oleh Veronika yang mengusap wajah Yesus, sebagaimana yang kita tahu dalam salah satu misteri Ibadat Jalan Salib.

Tetapi itu pun beredar pelbagai versi gambaran wajah Yesus. Kita juga mempunyai kain kafan Turin, yang dipandang sebagai kain kafan yang dipakai untuk membungkus jenazah Yesus.

Kitab Suci pun tidak menulis deskripsi gambaran wajah Yesus. Ketika Paulus berjumpa dengan Tuhan, hanya digambarkan Dia sebagai cahaya yang memancar dari langit (Lih Kis. 9:3).

Kitab Wahyu menggambarkan Anak Manusia, dengan kepala dan rambut putih serta mata berkilauan, mengenakan jubah yang panjangnya sampai kaki dengan ikat pinggang emas, penuh kuasa dan wibawa Ilahi (Lih. Why. 1:13-14).

Namun tidak ada keterangan khusus tentang rupa fizikal dan gambaran pasti tentang tubuh fizikal Yesus.

Sejak bila ada gambaran wajah Yesus dalam

bentuk lukisan ataupun patung? Diperkirakan hal itu sudah muncul sejak awal Gereja, lebih-lebih lagi ketika umat Kristiani masih hidup dalam penganiayaan dan sering tinggal dalam katakombe. Akan tetapi pada ketika itu, gambaran yang seringkali digunakan ialah gambaran ikan (*ichthys: ixtus*), burung pelikan ataupun sauh.

Usaha untuk menggambarkan wajah Yesus masih menjadi kontroversi, kerana ia selalu dipengaruhi dengan penggambaran dewa-dewa yang beredar masa itu. Maka bapa-bapa Gereja pada ketika itu, tidak menyetujuinya.

Malah pernah disarankan agar Gereja tidak memasang gambar atau lukisan di dinding-dinding, kerana mematuhi Sepuluh Perintah Tuhan agar tidak membuat patung (Lih. Kel. 20:4).

Dalam sejarah Gereja, kita tahu akan ikonoklasme, pertelingkahan yang menyebabkan pembinasan atau penghancuran akan gambar atau lukisan, juga tentang Yesus.

Akan tetapi dalam perkembangan masa, ramai umat Kristiani mempunyai peranan penting atau berkedudukan maka semakin banyak muncul gambar-gambar serta kemudian patung yang menggambarkan wajah Yesus.

Menurut catatan abad ke dua dan empat, hal tersebut sudah muncul tetapi belum begitu tersebar. Walaupun perdebatan soal itu masih terjadi, namun perlahan-lahan semakin tersebar.

Semacam ada kesepakatan umum, wajah Yesus tergambar secara indah, wajah mahupun tubuhnya. Apa yang penting adalah gambaran wajah Yesus bukan tentang ketepatan wajah-Nya se-



baliknya lebih kepada kepentingan devosi atau kebaktian.

Maka apakah wajah Yesus seperti yang digambarkan pada potret atau patung pada masa sekarang — tidakkah terlalu penting.

Betapapun Yesus wafat di usia 33 tahun, gambaran Dia sedang dicubai menunjukkan wibawa serta kuasa, maka tidak menghairankan kalau Yesus digambarkan dalam usia yang lebih tua. Bukan aspek fizikal yang penting, namun gambaran visual yang membantu umat dari aspek penyembahan dan doa.

Kini beredar pelbagai macam gambar tentang Yesus, selaras dengan budaya mahupun konteks sosial misalnya masyarakat orang Asli yang membuat patung Yesus dengan pakaian etnik mereka. Semuanya itu sah, tidak salah, kerana ia adalah ungkapan iman. — *Fr T. Krispurwana Cahyadi, SJ, hidupkatolik*

# Sahabat kecil Yesus

Susun semula perkataan di bawah untuk mengetahui sabda Yesus tentang Bait Tuhan.

rumah

jangan

bapa-Ku

membuat

berjualan

Ambil

ini

dari

semuanya

tempat

sini

kamu



Yohanes 2: 16

Lengkapkan dialog di bawah untuk membaca pesan Yesus.

Sesiapa .....

.....

.....

..... untuk

selama-lamanya (Yoh 4: 14)



Hello adik-adik,

Apakah maksud 'Gereja' bagi adik-adik?

Ada adik-adik yang menjawab Gereja ialah tempat kita beribadat, ada juga yang menjawab Gereja ialah umat Katolik dan ada juga yang mengatakan, Gereja ialah tempat umat berjumpa dan mengalami kasih Tuhan.

Semua jawapan itu adalah betul. Gereja ialah Bait Tuhan iaitu tempat kudus di mana rahmat dan berkat Tuhan dirasakan serta dialami.

Maka amat perlu kita menjaga kebersihan dan keindahan Gereja kita. Bukan itu sahaja, Gereja juga tidak seharusnya menjadi tempat jual beli dan juga bukan tempat un-

tuk menjadi popular.

Melalui pembacaan Injil, Yesus menjadi marah melihat pedagang-pedagang dan penukar wang duduk di situ untuk berniaga.


Yesus tidak senang Bait Tuhan digunakan sebagai tempat mengaut keuntungan, tipu muslihat dan perdagangan.

Injil pada hari Minggu ini juga mengajak kita untuk melihat diri kita. Apakah kita menghormati Gereja kita? Adakah kita menjaga kebersihan dan keindahan Gereja kita?

Adik-adik, bukan Gereja sahaja yang perlu bersih dan kudus tetapi hati kita juga perlu suci dari kejahatan!


Salam Sayang  
Antie Melly

Paulus baharu pindah ke kota A. Bantu Paulus untuk mencari jalan ke Gereja.



Pada gambar di bawah, terdapat perkataan r-u-m-a-h T-u-h-a-n.

Cari dan bulatkan setiap huruf tersebut.



# BELIA MILENIUM

## Belia 2024 teruja sentuh Salib Jubli 2020

LIMBAHAU, Papar: Bermula bulan Januari dan Februari, Salib Belia dan Ikon Bonda Maria mengelilingi beberapa stasi luar paroki Holy Rosary Limbahau.

Salib Belia dan Ikon Bonda Maria di hantar ke stasi luar pertama iaitu Zon Lingan pada Januari 14, kemudian ke St Teresa of Avila Kogopon, St Monica Moindang (Februari 4), St Therese of the Child Jesus, Sabandil (Februari 12), St Sabina Kg Titimpong (Februari 15), St Patrick Kinuta (Februari 18) dan di hantar ke Katedral Sacred Heart pada Februari 24.

Dalam salah satu Misa Kudus yang diadakan semasa Salib Belia berada di stasi luar, Fr Lasius Gantis dalam homilinya mengongsikan pengalaman peribadinya semasa Salib Belia dibawa pertama kali ke kampung halamannya.

Fr Lasius mengatakan Salib Belia yang dilihat oleh para belia sekarang merupakan Salib Jubli tahun 2000.

Paderi itu berharap sepanjang Salib Belia dan ikon Bonda Maria berada di stasi luar, para belia dapat me-

mantapkan iman dan mapan dalam menghadapi kehidupan yang penuh dengan cabaran.

Semasa Salib Belia dan ikon Bonda Maria berada di stasi luar, para belia mengikuti pelbagai sesi misalnya doa taize, katekesis, pujian dan penyembahan serta menonton filem rohani.

Menariknya, kehadiran Salib Belia dan ikon Bonda Maria turut dialu-alukan oleh para ibu bapa dan umat malah turut bermalam di chapel bagi menemani Salib Belia serta ikon Bonda Maria.

Penghantaran Salib Belia ke stasi luar ini adalah sebahagian daripada persediaan Sabah Youth Day keenam yang bakal berlangsung di Katedral St Francis Xavier Keningau pada September 16-20 dengan tema "Maria bangkit dan bergegas pergi" (Lukas 1:39).

Para penganjur utama SYD-6 mengatakan SYD-6 adalah relevan dengan seruan Gereja Sinodal dan sebagai persiapan menuju Konvensi Pastoral Malaysia 2026.



Belia St Sabina, berlutut di hadapan Salib Belia dan ikon Bonda Maria.

# Mahasiswa terbit panduan solidariti untuk pelajar kampus

**ABU DHABI:** Sebuah "panduan praktikal baharu untuk solusi solidariti" bertujuan untuk membawa nilai-nilai Dokumen Persaudaraan Manusia, dokumen yang ditandatangani lima tahun lalu oleh Sri Paus Fransiskus dan Imam Besar Al-Azhar Al-Tayyeb, akan diterbitkan untuk generasi muda khususnya bagi komuniti universiti di seluruh dunia.

Panduan itu merupakan karya 11 orang mahasiswa yang dipilih untuk mengikuti "program *Human Fraternity Fellows*" untuk mewujudkan keharmonian antara budaya dan antara agama.

Para mahasiswa tersebut melakukan perjalanan ke Abu Dhabi pada Februari 3-10 lalu bagi mengikuti dialog, ceramah dan lawatan, sempena ulang tahun kelima Dokumen tersebut.

### **Panduan untuk membantu kaum muda mengalami persaudaraan**

Salah satu sesi kunjungan mereka ke Abu Dhabi, para peserta mengambil



Sebahagian peserta program *Human Fraternity Fellows*.

bahagian dalam perbincangan "Majlis Persaudaraan Manusia" pada Februari 4, di Rumah Keluarga Abraham.

Mereka juga menyertai perbincangan meja bulat *Zayed Prize for Human Brotherhood*, pada Februari 6, di *Emirates Palace Hotel*.

Para siswa itu mula bertemu dalam talian sejak Oktober 2023 sehinggalah mereka bertemu di Abu Dhabi, untuk menyiapkan panduan yang akan diterbitkan dalam bentuk *e-book*.

### **Kaum muda tidak mahu dialog terlalu formal**

Salah seorang peserta, Sofia Lanza, mahasiswa jurusan Studi Timur Tengah di Universiti Edinburgh, Scotland menjelaskan beliau menyertai program itu kerana ingin melihat "pendekatan yang lebih praktikal dalam dialog antara agama yang dianggapkan terlalu formal pada masa ini."

"Kaum muda tidak faham konfrontasi dan perdebatan antara

orang-orang yang berbeza agama lebih-lebih lagi yang berunsur politik. Program ini memberi kesempatan untuk benar-benar mengalami dialog sebagai sebuah pengalaman yang nyata, milik kita sendiri dan bagaimana kita dapat mengambil peranan untuk mewujudkan keharmonian."

### **Dokumen Kemanusiaan, rujukan perdamaian generasi masa depan**

Sofia mengatakan Dokumen Kemanusiaan harus menjadi "dokumen yang dapat kita gunakan setiap hari, dalam kehidupan kita dan di universiti dan dapat kita rujuk ketika kita ingin berbicara dan berdamai. Untuk generasi muda saat ini dan generasi muda di masa depan."

Aisha Alyassi dari Dubai, seorang mahasiswa pasca siswazah di *King's College*, London bersemangat dalam mempromosikan perdamaian dan toleransi global

Aisha sedang mengkaji agama-agama minoriti di Timur Tengah dan Afrika Utara, khususnya komuniti Yahudi Irak. Pada bulan Februari 2022, Aisha mendokumentasikan projek "Rumah Pusat Toleransi" di Instagram tentang kunjungannya ke pelbagai tempat ibadat di seluruh dunia. — **media Vatikan**

## Kongres Keluarga antarabangsa di Mexico Sri Paus lancar kumpulan kajian sinodal

MEXICO: Dengan tema “Semua Keluarga Boleh Menjadi Lebih Baik” berlangsung Kongres Keluarga Antarabangsa (CIFAM) di bandar Guadalajara, Jalisco, Mexico, pada Mac 1-3.

CIFAM 2024, memberi peluang kepada para peserta untuk bertemu, belajar dan bekerjasama dengan sektor agama dan berlainan agama, berusaha untuk menyatukan dan melengkapkan pemimpin, organisasi dan keluarga bagi mengukuhkan institusi keluarga sebagai teras penting masyarakat.

Acara itu adalah kesinambungan Kongres Keluarga Sedunia XIV yang diadakan di kota Mexico pada tahun 2022.

Presiden Kongres Keluarga Mexico, Fernando Milanés, mengatakan acara dunia itu adalah untuk “pembelajaran dan kerjasama untuk memantapkan” keluarga.

Milanés mengakui bahawa keluarga menghadapi pelbagai cabaran dan dengan itu CIFAM berhasrat untuk “melengkapkan keluarga agar mereka boleh menjadi sumber keselamatan dan kesihatan yang komprehensif, mempunyai perancangan dan tujuan.”

Lupita Venegas, pemilik *Valora Radio* dan jurucakap kongres itu, menekankan kepentingan menangani pelbagai masalah yang menjejaskan keluarga seperti perselingkuhan, kemurungan dan keganasan rumah tangga.

Beliau menekankan bahawa CIFAM 2024 mewakili peluang untuk mengukuhkan keluarga dan “mengubah keluarga



Kongres Keluarga Antarabangsa 2024 berhasrat melengkapkan keluarga sebagai sumber keselamatan dan kesihatan komprehensif.

menjadi lebih baik.”

Karen Ahued, seorang lagi jurucakap CIFAM, berkata bahawa kongres itu memberi peluang untuk “memperbaiki hubungan dengan anak-anak dan bagaimana menemui perdamaian peribadi serta menyembuhkan banyak luka yang sukar diterima.”

Acara tersebut mempunyai empat program: umum, belia, remaja, dan kanak-

kanak.

Antara pakar terkemuka yang hadir ialah Dr Catherine L’Ecuyer, seorang pemimpin dunia mengenai kesan teknologi terhadap pendidikan dan ahli psikologi Isabel Rojas Estapé.

Pakar antarabangsa dalam keluarga dan pendidikan Dr María Calvo dan Dr Rafael Guerrero turut menyampaikan sesi masing-masing pada kongres itu. — *CNA*

## Sri Paus lancar kumpulan kajian sinodal

ROMA: Vatikan mengumumkan pada Februari 17 lalu bahawa Sri Paus Fransiskus telah melancarkan kumpulan kajian sinodal untuk menganalisa isu-isu utama menjelang perhimpunan Sinode pada bulan Oktober ini.

Prelatus itu juga telah mengeluarkan chirograf yang meminta dikasteri Kuria Roma bekerjasama dengan Sekretariat Agung Sinode bagi menubuhkan kumpulan kajian “analisis mendalam” beberapa tema yang muncul dalam perhimpunan Sinode pertama.

Sri Paus tidak menyatakan dalam chirograf berapa banyak kumpulan yang akan dibentuk, topik apa yang akan dipelajari, atau siapa yang akan mengambil bahagian dalam kumpulan kajian.

Laporan sintesis yang diterbitkan pada penghujung perhimpunan sinode pertama menyenaraikan 75 “perkara untuk dipertimbangkan” termasuk akses wanita kepada pelayanan diakonal, selibat imam dan “belas kasihan Ekaristi” untuk pasangan berbeza agama.

Menurut media Vatikan, kumpulan kajian akan memerlukan masa yang banyak dan tidak akan “secara langsung membentuk bahan bagi perbincangan dalam sesi sinode yang akan datang.”

Sekretariat Agung Sinode, yang diketuai oleh Kardinal Mario Grech, akan menyelaraskan kerja-kerja kumpulan kajian di kalangan dikasteri, yang “melibatkan pakar dari semua benua” sepanjang proses sinodal. — *CNA*

## Bagi negara bergolak, Pra-Paskah ialah ‘365 hari derita’

TOKYO: Uskup Agung Yangon mengingatkan umat bahawa bagi kebanyakan orang di kawasan yang dilanda konflik, “Pra-Paskah bukanlah drama 40 hari.”

Dalam Misa semasa lawatannya ke paroki Yesuit di Jepun baru-baru ini, Kardinal Charles Maung Bo menyatakan bahawa bagi kebanyakan orang yang terluka dan menderita akibat peperangan dan pertumpahan darah, Pra-Paskah mewakili “365 hari penderitaan, air mata, kehancuran, ketakutan, kebimbangan dan kelaparan yang tidak berkesudahan dari Salib.”

Prelatus itu berkata Pra-Paskah mengajar keluarga manusia pelajaran hebat tentang “pembebasan daripada penindasan, ajakan

penyucian diri dan harapan.”

Kardinal Bo merenungkan kisah dari Kitab Keluaran yang “membawa orang-orang Israel ke tanah perjanjian dengan kedamaian dan kemakmuran. “Aku telah mendengar tangisan umat-Ku. Ya! Tuhan kita bukanlah Tuhan yang pasif. Apabila orang miskin menangis, Tuhan mendengar dan campur tangan,” katanya.

Prelatus itu berkata Pra-Paskah fokus untuk memahami kelemahan manusia, seperti yang dialami oleh Yesus semasa digoda di padang gurun.

Ia mengingatkan kita bahawa walaupun Yesus diuji dengan tawaran kuasa, prestij dan kehormatan tetapi Dia menekankan bahawa

tunduk kepada dosa adalah jalan menuju kebinasaan diri.

Semasa Pra-Paskah, umat beriman digalakkan untuk meneruskan penyucian diri dengan bantuan Roh Kudus sebagai Penolong utama dalam perjalanan rohani mereka, kata Kardinal Bo.

Kardinal Bo berkata bahawa intipati harapan, juga ditekankan semasa Pra-Paskah. Ini jelas digambarkan melalui peristiwa dalam Kisah Para Rasul, di mana Yesus menghabiskan empat puluh hari bersama murid-murid-Nya selepas kebangkitan-Nya.

Harapan mempertahankan iman Kristian bahawa kuasa kejahatan bersifat sementara dan kebaikan pasti menang. Harapan adalah



destinasi Pra-Paskah, harapan akan kebangkitan Yesus yang menghapuskan kuasa kegelapan,” kata Kardinal Bo. — *LiCASnews.com*

## Forum teologi global menentang ‘kolonisasi’ di Palestine

KATHMANDU: Sebuah kumpulan ekumenis yang terdiri dari 30 ahli teologi mewakili Forum Teologi dan Pembebasan Dunia (WFTL) menyeru mengakhiri ‘gerakan Zionis dalam Alkitab’ yang membenarkan ‘kolonisasi’ Israel di Palestine.

Forum para teologi di Kathmandu, ibu kota Nepal, pada Feb 13-18 juga mengesahkan penyalahgunaan politik dan agama yang mengakibatkan peningkatan penganiayaan agama di pelbagai tempat di dunia.

Forum ini bekerjasama dengan Forum Sosial Dunia (WSF) yang turut mengadakan pertemuan di Kathmandu pada Februari 15-19.

WSF mempertemukan perwakilan gerakan sosial di seluruh dunia, untuk mengekspresikan aspirasi untuk dunia yang lebih baik.

Forum para teologi yang bermula sejak ta-



Para peserta Forum Teologi dan Pembebasan Dunia (WFTL) berfoto bersama.

hun 2005 telah menjadi ruang untuk perbincangan, perjumpaan dan pertukaran idea tentang teologi dengan para teologi dari seluruh dunia yang komited pada prinsip pembebasan dalam konteks peribadi, regional dan antarabangsa.

Pertemuan tahun ini mengambil tema: “Para teologi membicarakan agama dan politik dari perspektif pembebasan dan kepedulian. Fokus khusus dari pertemuan ini adalah pada “interaksi antara politik dan agama dalam konteks tumbuhnya nasional-

isme agama, khususnya di benua Asia,” kata Kochurani Abraham, seorang ahli teologi dari India.

Para perwakilan juga meneliti masalah umat Kristian masyarakat adat yang terus ditindas oleh sistem Gereja yang masih berfungsi secara kolonial di dunia.

Dua orang ahli teologi menyampaikan sesi bertema pembebasan Palestine – Mitri Raheb dan Varsen Aghabekian – membantu Forum Sosial Dunia dan pertemuan para teologi untuk melihat relaiti rakyat Palestine.

“Kami menentang gerakan Zionis yang menggunakan agama sebagai alasan kolonisasi pemukim Israel di Palestine. Gerakan ini telah berlangsung selama beberapa dekad dan mencetuskan genosida terhadap Palestine ketika ini,” demikian pernyataan akhir forum para teologi tersebut. — *ucanews.com*

## DOA ANGELUS BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

PENULIS BERKICAU



# Doa Bapa Suci untuk Sudan, Mozambique

VATIKAN: “Di mana sahaja pertempuran berlaku, orang ramai keletihan, letih berperang dan hanya akan membawa kematian, kemusnahan dan tidak akan pernah menyelesaikan masalah.”

Sri Paus Fransiskus melancarkan permohonan itu pada hari Minggu selepas doa Angelus bersama umat awam di Dataran Sto Petrus.

Pope mengingatkan bahawa 10 bulan telah berlalu sejak konflik tercetus di Sudan yang membawa kepada situasi kemanusiaan yang serius.

“Saya sekali lagi meminta pihak yang bertelagah menghentikan peperangan yang mendatangkan kemudaratan kepada rakyat dan masa depan negara,” katanya. “Mari kita berdoa agar jalan menuju keamanan segera dicapai demi membina masa depan Sudan yang dikasahi.”

## Keganasan di utara Mozambique

Bapa Suci Fransiskus mengeluh tentang “keganasan terhadap penduduk yang tidak berdaya, kemusnahan infrastruktur dan

ketidakamanan yang meluas” di Wilayah Cabo Delgado utara Mozambique. Bapa Suci juga sedih setelah mendapat tahu bahawa Gereja mision Katolik *Our Lady of Africa* di Mazeze juga telah dibakar.

Menurut Oliveira Amimo, pentadbir daerah Chiúre di Mozambique, penyerang bersenjata memusnahkan Gereja Katolik tersebut dan beberapa rumah.

“Mari kita berdoa agar keamanan kembali ke wilayah yang terseksa itu,” kata Paus.

Uskup Roma itu juga berdoa untuk orang yang menderita akibat konflik di daerah lain di benua Afrika, di Ukraine dan Tanah Suci.

“Peperangan selalunya kekalahan,” tegas Sri Paus.

“Marilah kita berdoa tanpa jemu, kerana doa itu berkesan dan marilah kita meminta Tuhan untuk karunia fikiran dan hati yang didedikasikan secara konkrit untuk kedamaian.”

## Kesengsaraan berterusan di Sudan

Walaupun cubaan untuk menamatkan konflik kejam di Sudan, pertempuran tetap

berterusan di negara itu.

Sudan telah menyaksikan pertempuran bersenjata kejam antara tentera Sudan dan *Rapid Support Forces* — atau RSF — sejak April 2023.

Kini, tentera Sudan — atau SAF — telah mara di Omdurman buat kali pertama sejak perang dengan RSF meletus.

Omdurman terkenal sebagai bandar kembar kepada ibu negara Sudan, Khartoum, yang terletak di seberang Sungai Nil.

Menurut laporan terbaharu, SAF telah menyertai rakan mereka di selatan di mana mereka telah dikepung oleh RSF sejak sepuluh bulan lalu.

Pertempuran di Sudan menyebabkan lebih 25 juta orang bergantung kepada bantuan kemanusiaan dengan lapan juta terpaksa meninggalkan rumah mereka, termasuk 1.6 juta yang telah melarikan diri ke negara lain. — *media Vatikan*

**Gambar:** Para pelarian Sudan di salah sebuah kem pelarian sedang menunggu bantuan makanan.

## Enam makanan sihat amalan Yesus dan para rasul!

Dalam media sosial atau media cetak, mustahil untuk melarikan diri dari topik makanan. Masyarakat moden sekarang amat suka topik makanan sihat.

Kadang-kadang disebabkan oleh lambakan maklumat, kita keliru, makanan mana dan kaedah apa yang baik untuk tubuh serta kesihatan kita?

Apa kata kita ikuti diet Mediterranean klasik yang Yesus lakukan? Memang dalam Kitab Suci, tidak ada resepi makanan sihat tetapi Kitab Suci dipenuhi dengan maklumat tentang apa yang Yesus makan.

Berikut enam makanan sihat sering dimakan oleh Yesus dan para rasul:

### Buah ara/figs

Mungkin Yesus mempunyai kegemaran untuk buah ara yang kaya dengan air dan serat kerana Dia agak jengkel dalam Markus 11:12-14 apabila Dia pergi untuk memetik buah ara tetapi pokok itu tidak

menghasilkan buah! Buah ara adalah sumber kalsium dan kalium yang hebat, baik untuk tekanan darah dan tulang yang kuat.

### Ikan

Menjala adalah tema berulang di seluruh Alkitab dan ikan adalah sumber protein utama untuk Yesus dan pengikut-Nya. Ikan sardin khususnya popular dalam masakan Timur Tengah, dan manfaat kesihatannya banyak: ia kaya dengan Omega-3 yang membantu meningkatkan vitamin dan protein penting.

### Madu

Madu adalah makanan utama dalam diet Yohanes Pembaptis menurut Injil, jadi kemungkinan besar Yesus juga memakannya kerana ia cara utama untuk memaniskan makanan. Madu penuh dengan antioksidan yang boleh membantu mengurangkan penyakit jantung dan melindungi daripada

kanser. Nektar mentah pada madu dipercayai dapat mengurangkan tekanan darah dan menangkis alahan.

### Kambing/domba

Digambarkan sebagai Anak Domba Tuhan sendiri, Yesus akan makan domba kerana ia adalah pilihan daging yang popular pada zaman-Nya. Kadangkala disajikan dalam rebusan dengan sayur-sayuran lain, kambing ialah daging merah yang sihat dengan hidangan vitamin, mineral serta meningkatkan keupayaan tubuh melawan penyakit.

### Buah zaitun

Buah zaitun adalah perkara biasa dalam diet Mediterranean dan minyak zaitun dipercayai menjadi pusat kepada kebanyakan makanan. Dengan lemak monoteput yang sihat yang terdapat dalam minyak, ia adalah pilihan yang lebih sihat daripada kebanyakan jenis minyak.

### Roti

Walaupun tidak bagus untuk mereka yang mengikuti diet bebas gluten, roti adalah makanan biasa di setiap meja pada zaman Yesus. Roti barli sangat popular dan ia juga digunakan serta diagih-agihkan semasa pengandaian roti (Yohanes 6:9). Roti barli juga kurang diproses berbanding roti lain, dengan tahap vitamin, mineral dan serat yang lebih tinggi. — *Aleteia*



## Ketekismus Gereja Katolik

Tidak seperti katekismus untuk para paderi atau format soalan/jawapan untuk kanak-kanak pada generasi yang lalu, Katekismus Gereja Katolik (KGK) adalah untuk ANDA, untuk KITA semua.

Suatu ketika dahulu, seorang Uskup Agung (sekarang Emeritus) pernah mengeluh kerana ibu bapa mengabaikan KGK. Katanya, apabila anak mereka mahu berpindah agama, atau menantu mereka yang berlainan denominasi lebih pandai ‘berkata-kata’ tentang Alkitab, mereka mulai resah dan sibuk bertanya itu ini kepada paderi atau religius.

Bukan itu sahaja, akibat mengabaikan KGK, hal-hal tahyul sukar untuk diatasi. Bukan sahaja di kalangan masyarakat adat, malah masyarakat moden juga, apabila menghadapi kesusahan atau sakit, mudah percaya kepada hal-hal yang dianggap ghaib, tanpa menyedari perbuatan itu telah melanggar perintah Tuhan yang pertama.

KGK dimaksudkan untuk menjelaskan ajaran-ajaran iman Katolik. Katekismus ini menjadi referensi yang sangat baik bagi umat Katolik. Selain itu, menjadi referensi yang bagus bagi umat bukan Katolik yang tertarik dalam mempelajari apa yang sebenarnya Gereja ajarkan. Sebab itu, KGK digunakan dalam kelas Inisiasi Kristian dan Sekolah Minggu.

Ketika Tahun Iman dilancarkan oleh mendiang Sri Paus Emeritus Benediktus XVI, KGK merupakan salah satu dokumen yang dipromosi. Pada ketika itu, berbondong bondonglah umat membeli KGK.

Tetapi selepas sahaja Tahun Iman, KGK dipandang sepi. Apatah lagi untuk terus mengkaji empat bahagian utama KGK. Mungkin juga, kita tidak menyedari kita mempunyai buku KGK di almari!

Terdapat beribu-ribu karya sastera yang bercakap tentang Yesus, Gereja dan orang-orang kudus. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang jelas dalam istilah dan idea khususnya antara Katolik dan Protestan.

Kita, umat Katolik juga sering mempunyai tanggapan salah tentang apa yang diajar oleh Gereja Katolik tentang Empat Perkara Terakhir (kematian, penghakiman, syurga, dan neraka), Kedatangan Kedua Yesus Kristus dan Akhir Zaman dan penghormatan Gereja terhadap Bonda Terberkati kita.

Dengan KGK, semua ini dapat diatasi. Ambil, buka isi kandungan atau Indeks, kita dengan mudah dapat mencari jawapan terhadap persoalan-persoalan kita.

Kita mungkin menyedari, budaya sekarang semain memusuhi agama Kristian malah sangsi terhadap kewujudan Tuhan. Namun begitu banyak sumber untuk membantu anda mempelajari dan menghargai iman Katolik anda. Dan KGK adalah sumber yang boleh membantu anda.

Tuhan mengasihi setiap orang yang Dia ciptakan dan Dia memanggil kita. Tiba masanya untuk kita menelaah KGK. Jangan tunggu Sri Paus mengumumkan Tahun Membaca KGK. Masa untuk bermula ialah sekarang!

### KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Mingguan Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

## Rohaniwan Pulau Pinang jiwai sinodaliti

PULAU PINANG: Keuskupan Pulau Pinang merayakan Hari Hidup Bakti Sedunia ke-28 pada Februari 2, dengan sesi pembinaan dan pembaharuan komitmen konsekrali religius.

Hari istimewa ini bertambah sukacita kerana ia juga merupakan pentahbisan imamat Rev George Vaithynathan.

Perayaan itu dimulakan dengan formasi di Bilik St Bernadette Gereja *Our Lady of Lourdes*, Silibin, Ipoh.

Ia diadakan dalam kaedah Zoom bagi membolehkan religius yang tidak dapat bersama, menyertai perayaan tersebut secara maya.

Fr Michael Raymond, OFM Cap menyampaikan sesi menarik bertema "Penglibatan Hati — Sinodaliti dan Jiwa Hidup Bakti" (*Engaging Hearts — Synodality and the Soul of Consecrated Living*) bagi membantu para religius menyegarkan serta memperkuat komitmen mereka untuk melayani Tuhan.

Ini diikuti dengan sesi rehat di mana para religius berkesempatan untuk berinteraksi dengan para paderi yang menghadiri upacara pentahbisan imamat.

Keuskupan Pulau Pinang merupakan 'payung' kepada pelbagai kongregasi yang membaktikan diri mereka bagi melayani Tuhan sepanjang hidup mereka iaitu *Cannosian Daughters of Charity* (FdCC), *the Redemptorists* (CSsR), *the Franciscan Missionaries of the Divine Motherhood*



(FMDM), *the Franciscan Missionaries of Mary* (FMM), *the Franciscan Sisters of the Immaculate Conception* (FSIC), *the Lasalle Brothers* (FSC), Kongregasi Carmelita Sancti Eliae (CSE), Kongregasi Putri Karmel (P.Karm), *the Little Sisters of the Poor* (LSP), Kapusin (OFM Cap), para Friar Fransiskan (OFM), para Sister Gemala Baik (RGS), *the Sisters of the Infant Jesus* (IJ) dan Yesuit (SJ).

Perayaan berganda ini menggambarkan pentingnya kehidupan bakti dan kolaborasi di dalam Gereja, yang menggemakan visi Sri Paus Fransiskus tentang Gereja sinode di mana semua anggotanya berjalan bersama dalam iman.

Salah seorang religius, Friar Joshua Yong, OFM Cap menyatakan pengalamannya selepas mendengar pembentukan yang

disampaikan oleh Friar Michael Raymond OFM Cap tentang persekutuan cinta dengan Tuhan yang menekankan kepentingan perpaduan dan perkongsian pengalaman di kalangan orang yang beriman.

"Mendengar dengan sepenuh hati adalah satu bentuk yang mendalam yang membolehkan kita mengembangkan hubungan yang lebih mendalam dengan diri sendiri dan orang lain. Iman sering dikembangkan melalui mendengar dengan hati," kata Friar Joshua.

Tambah friar itu lagi, "kerohanian mendengar mengajak kita merangkul kesunyian dan kesunyian batin. Ini membolehkan kita mengadakan perbualan yang bermakna dan meningkatkan pemahaman dan hubungan kita dengan Tuhan, diri kita sendiri, dan orang lain."

## Jadual Misa Krisma seluruh Malaysia

### SEMENANJUNG MALAYSIA

● Keuskupan Pulau Pinang  
Tarikh: Mac 18, 2024 Masa: 8.00 malam  
Tempat: Gereja Immaculate Conception

● Keuskupan Agung Kuala Lumpur  
Tarikh: Mac 19, 2024 Masa: 7.00 malam  
Tempat: Gereja Christ the Light

● Keuskupan Melaka Johor  
Tarikh: Mac 26, 2024 Masa: 8.00pm  
Tempat: Gereja St Philip, Segamat

### SABAH

● Keuskupan Sandakan  
Tarikh: Mac 14, 2024 Masa: 7.30 malam  
Tempat: Katedral St Mary, Sandakan

● Keuskupan Agung Kota Kinabalu  
Tarikh: Mac 21, 2024 Masa: 7.30 malam  
Tempat: Katedral Sacred Heart, Karamuning

● Keuskupan Keningau  
Tarikh: Mac 26, 2024 Masa: 6.30 petang  
Tempat: Dataran Keuskupan Keningau

### SARAWAK

● Keuskupan Miri  
Tarikh: Mac 13, 2024 Masa: 7.30 malam  
Tempat: Katedral St Joseph, Miri

● Keuskupan Sibiu  
Tarikh: Mac 20, 2024 Masa: 7.30 malam  
Tempat: Katedral Sacred Heart, Sibiu

● Keuskupan Agung Kuching  
Tarikh: Mac 27, 2024 Masa: 7.30 malam  
Tempat: Katedral St Joseph, Kuching

## KGK, sumber penting pendalaman iman

KUALA LUMPUR: Kursus asas Teologi bertajuk Perjalanan Melalui Katekismus Gereja Katolik (*Journey Through the Catechism of the Catholic Church /JCCC*), telah dilancarkan di Keuskupan Agung Kuala Lumpur pada Februari 3, di Pusat Pastoral Keuskupan Agung.

Seramai 85 peserta telah hadir untuk sesi pembukaan.

Penyampai untuk hari itu, Dr Steven Selvaraju, Pengarah Pusat Kateketikal Keuskupan Agung, yang memegang Ijazah Kedoktoran dalam Teologi dengan Pengkhususan dalam Kateketik dan Pelayanan Belia, bercakap mengenai tiga topik yang berkaitan dengan Katekismus Gereja Katolik (KGK/CCC), iaitu "Latar Belakang KGK", "Struktur KGK" dan "Cara Menggunakan KGK dengan Berkesan".

Dr Steven menjelaskan rasional di sebalik keputusan Gereja untuk menerbitkan KGK iaitu kumpulan ajaran Gereja universal yang komprehensif.

Beliau menekankan kemunculan dinamik sosial, budaya, dan keagamaan baharu dalam dunia globalisasi, yang membawa kepada percambahan subjektivisme, individualisme, relativisme, dan



Para peserta JCCC sedang tekun menyalin nota.

materialisme.

Lebih-lebih lagi, kelaziman mazhab dan kultus agama yang menyamar sebagai "Kristian" telah menjadi semakin jelas. Selain itu, sebahagian besar penganut Katolik kurang memahami iman mereka, menghalang keupayaan mereka untuk menyampaikannya secara berkesan kepada generasi muda.

Dr Steven menekankan kepentingan yang sangat penting bagi umat Katolik, khususnya katekis, untuk menggunakan KGK sebagai sumber penting dalam memahami dan memantapkan iman.

Beliau mengulangi kata-kata Sri Paus Sto Yohanes Paulus II dari seruan apostolik, *Fidei Depositum*, yang mengiringi penerbitan KGK pada tahun 1992.

Bapa Suci Yohanes Paulus II menyatakan tujuan KGK yang me-

nawarkan "penjelasan penuh dan lengkap tentang doktrin Katolik yang membolehkan semua orang mengetahui apa yang Gereja akui, raikan, hidup, dan doakan dalam kehidupan sehariannya."

Dr Steven kemudiannya menjelaskan struktur KGK yang terdiri dari empat bahagian penting iaitu: Bahagian I: Pengakuan Iman, Bahagian II: Perayaan Misteri Kristian (Sakramen), Bahagian III: Hidup dalam Kristus dan Bahagian IV: Doa Kristian (Bapa Kami).

Kursus JCCC ini dianjurkan oleh Komisi Kateketikal Keuskupan Agung dan mempunyai sepuluh sesi.

Ia berlangsung sebulan sekali pada hari Sabtu, bermula Februari hingga November. Dua sesi diadakan secara fizikal, lapan sesi dijalankan dalam talian.

## Paroki KSFX anjur Sukan Solidariti

KENINGAU: Juara Kejohanan Sukan Solidariti peringkat paroki Katedral St Francis Xavier (KSFX) bagi tahun 2024, sekali lagi telah dirangkul oleh KSFX, baru-baru ini.

Naib juara, tempat ketiga dan tempat keempat telah dimenangi oleh Zon Luanti, Zon Kepayan dan Zon Liau.

Sukan solidariti yang dianjurkan oleh Komite Sukan dan Rekreasi KSFX merupakan kerjasama bersama Zon Liau, sebagai tuan rumah selama dua hari.

Kejohanan ini melibatkan para peserta yang mewakili setiap zoni di sekitar paroki KSFX.

Tiga acara yang dipertandingkan termasuklah bola sepak terbuka lelaki dan veteran serta bola tampar lelaki yang dijalankan di padang Kg Tagai, bola tampar perempuan di Kg Tohan Baru dan badminton di dewan Kg Apin-Apin.

Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah kepada para pemenang sukan solidariti telah diadakan di Dewan Terbuka St Stephen Liau yang dirasmikan oleh Msgr Gilbert Lasius.

Msgr Gilbert dalam ucapannya berkata, program seperti Sukan Solidariti ini diharapkan dapat diteruskan sebagai satu program tahunan paroki. Katanya, Sukan Solidariti ini bukan hanya membentuk kesatuan antara sesama tetapi juga menyerlahkan kebolehan atau talenta dalam bersukan.

Paderi paroki KSFX itu berpesan bahawa keutamaan penganjuran Sukan Solidariti bukanlah tentang menang atau kalah sebaliknya memupuk semangat kebersamaan.

Seterusnya diumumkan Zon Toboh Laut dan Zon Senagang sebagai tuan rumah Sukan Solidariti paroki KSFX tahun 2025. — *Melty Paulus*

